

# The Observer

17.05.2024

## ❖ Pelantikan pengarah yang disingkirkan oleh SMI sebagai CEO menimbulkan keimbangan tadbir urus korporat

Timbul sedikit keraguan berlaku kelemahan tadbir urus korporat dalam South Malaysia Industries Berhad (SMI) selepas syarikat itu melantik pengarah yang disingkirkan baru-baru ini sebagai pegawai utama Syarikat.

Pada 1 Mei 2024, SMI mengumumkan pelantikan Leow Thang Fong sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive Officer, CEO) Syarikat. Untuk makluman, Leow telah diundi keluar sebagai pengarah eksekutif sewaktu mesyuarat agung tahunan (AGM) SMI yang ke-52 pada 27 Mac 2024.

Pemfailan Syarikat kepada Bursa Malaysia Securities berhubung keputusan AGM menunjukkan bahawa enam pemegang saham yang memegang 59.59 juta saham (atau 51.2% daripada jumlah saham yang diundi) mengundi menentang usul untuk melantik semula Leow sebagai pengarah syarikat. Sementara itu, 93 pemegang saham dengan 56.75 juta saham (atau 48.78% daripada saham yang diundi) menyokong pelantikan semula beliau.

### Alasan di sebalik pelantikan semula

Sudah tentu, Lembaga Pengarah dan jawatankuasa pencalonan SMI terhutang kepada pemegang saham mereka kerana melantik Leow untuk memegang jawatan penting selepas beliau baru-baru ini diundi keluar sewaktu AGM. Sebelum ini, Leow adalah satu-satunya pengarah eksekutif

### SOROTAN UTAMA

- Pada 1 Mei, SMI mengumumkan pelantikan Leow Thang Fong sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat. Leow telah disingkirkan daripada jawatan pengarah eksekutif pada AGM ke-52 SMI pada 27 Mac 2024.
- Walaupun lembaga dibenarkan di sisi undang-undang untuk melantik individu yang difikirkan sesuai untuk menjalankan perniagaan, namun secara etika tindakan melantik seseorang yang baru disingkirkan untuk memegang jawatan penting itu boleh dipersoalkan.

dalam Lembaga Pengarah SMI, selepas menyertai Syarikat sejak 26 September 1994.

Selain itu, SMI telah menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Untuk rekod, SMI mencatatkan kerugian sejak tahun kewangan 2019. Bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2023, ia melaporkan kerugian bersih sebanyak RM9.4 juta. Menurut laporan suku tahunan terkini bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2023, SMI kekal rugi dengan kerugian bersih sebanyak RM3.95 juta.

Tambahan pula, prestasi harga saham SMI juga jauh daripada memuaskan kerana ia kini didagangkan hampir pada paras terendah sepanjang 52 minggu pada 41.5 sen, yang terdiskaun hampir 58% daripada harga tertinggi sepanjang tempoh 52 minggu.

### **Pergeseran dalam Lembaga**

Pelantikan Leow dibuat di tengah-tengah kemelut bilik lembaga yang melibatkan sekurang-kurangnya dua syarikat tersenarai, iaitu Techbase Industries Berhad dan Asian Pac Holdings Berhad. Ringkasnya, situasi di SMI adalah perebutan antara penyandang jawatan dalam lembaga dengan pemegang saham majoriti yang mengundi semasa AGM.

Pada 21 Mac, SMI mengumumkan bahawa mereka telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan untuk menukar pengarah Syarikat mengikut nasihat penasihat undang-undang selepas diserahkan writ saman dan notis permohonan injunksi interim oleh pemegang saham utama Syarikat iaitu Mah Sau Cheong, yang memiliki 7.648%\* kepentingan langsung dalam Syarikat pada 12 Oktober 2023. Mah juga memegang 31.98%\*\* kepentingan dalam Asian Pac, yang memegang 2.25%\* kepentingan langsung dan 9.31%\* kepentingan tidak langsung dalam SMI.

Mah telah memohon perintah mahkamah sementara bagi menghalang SMI daripada membentangkan resolusi oleh Honsin Apparel Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh Techbase Industries) dan Chong Fu Shen (pemegang saham SMI) pada AGM ke-52 atau mana-mana mesyuarat agung lain.

Honsin Apparel, yang memiliki 7.485%\* kepentingan dalam SMI, sebelum ini memfailkan notis kepada SMI, menyatakan hasrat mereka untuk melantik Hong Zheng Hong dan Tan Eng Gooi sebagai pengarah pada AGM ke-52. Notis yang menyatakan niat Honsin Apparel muncul di tengah-tengah siri pertikaian undang-undang yang berterusan dengan SMI berikutan percubaan mereka, bersama-sama HIQ Media (M) Sdn Bhd (51.91% - subsidiari Techbase Industries yang memiliki kepentingan 2.53%\* dalam SMI), untuk merampas kawalan ke atas lembaga pengarah SMI sejak Februari 2023.

Di tengah-tengah kebuntuan antara kedua-dua pihak, tidak hairanlah Leow, yang telah bersama-sama SMI sejak 1994, menjadi “anak emas” untuk menyandang jawatan dalam lembaga.

\*Pegangan saham dalam SMI pada 12 Oktober 2023, dipetik daripada Laporan Tahunan SMI 2023

\*\*Pegangan saham dalam Asian Pac bertarikh 30 Jun 2023, dipetik daripada Laporan Tahunan Asian Pac 2023

### **Kurangnya kepelbagaian**

Di sebalik prestasi kewangan dan perebutan dalam bilik lembaga pengarah, empat ahli lembaga pengarah SMI, yang terdiri daripada tiga pengarah bebas dan seorang pengurus bukan bebas, menunjukkan kurangnya kepelbagaian dari segi umur, dengan semua pengarah berusia antara 62 dan 76 tahun.

Selain itu, kemahiran para pengarah sebahagian besarnya tertumpu pada ekonomi, kewangan, perbankan dan undang-undang. Walaupun semua ini kepakaran penting, lembaga pengarah mungkin memerlukan kepakaran yang pelbagai dengan lebih relevan kepada segmen perniagaan teras SMI iaitu pembangunan harta tanah, pembinaan dan pembuatan.

Mungkin terdapat keperluan bagi SMI untuk mempertimbangkan pencarian pengarah baharu, yang dinamik dan praktikal, serta selaras dengan perkembangan terkini dalam industrinya.

### **Kesimpulan**

Berikutan peristiwa yang berlaku dalam SMI, MSWG menggesa syarikat awam tersenarai (PLC) supaya menghormati suara pemegang saham mereka, lebih-lebih lagi apabila keputusan dibuat melalui proses pengundian yang telus dengan keputusannya disahkan oleh pemeriksa bebas.

Walaupun lembaga dibenarkan di sisi undang-undang untuk melantik individu yang difikirkan sesuai untuk menjalankan perniagaan, namun tindakan melantik seseorang yang baru disingkirkan untuk memegang jawatan penting, secara etika boleh dipersoalkan.

Lagipun, mengapa perlu bersusah payah dengan proses pengundian atau meluluskan resolusi dalam AGM atau mesyuarat agung luar biasa (EGM) jika pandangan pemegang saham tidak diberi pertimbangan sewajarnya atau lebih teruk lagi, langsung tidak diendahkan?

### **Oleh Pasukan Pemantauan MSWG**

---

## **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 20 hingga 24 Mei 2024**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Sime Darby Property Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah menghapus kira inventori berjumlah RM10.5 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM3.1 juta pada tahun kewangan 2022, dengan peningkatan sebanyak RM7.4 juta atau 239%. (Halaman 284, Laporan Tahunan Bersepadu). Kumpulan juga mengiktiraf penurunan nilai inventori sebanyak RM8.8 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan perlu menghapus kira inventori dalam jumlah yang begitu besar pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah jenis inventori yang dihapus kira dengan jumlah masing-masing pada tahun kewangan 2023?</p> <p>Sila jelaskan juga jenis inventori yang diturunkan nilai pada tahun kewangan 2023.</p>
TSH Resources Berhad (AGM)	<p>Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menetapkan bahawa Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.</p> <p>Kepelbagaian jantina adalah isu penting dalam tadbir urus korporat. Selepas persaraan Cik Selina binti Yeop Junior @ Lope (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) pada 24 November 2023, TSH kini mempunyai perwakilan wanita yang rendah dalam Lembaga Pengaruhnya (11%), dengan hanya seorang pengarah wanita daripada jumlah keseluruhan sembilan pengarah.</p> <p>a) Apakah tindakan khusus yang telah diambil atau akan diambil oleh Lembaga untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah bagi memenuhi keperluan ini dalam jangka masa yang munasabah?</p> <p>b) Adakah terdapat sebarang inisiatif atau strategi khusus yang telah disediakan oleh Lembaga Pengarah untuk menarik, mengekalkan dan</p>

<b>Perkara penting:</b>													
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>												
	<p>menggalakkan pemimpin wanita yang berbakat untuk berkhidmat dalam Lembaga Pengarah?</p> <p>Bagaimanakah Lembaga merancang untuk mengukur kemajuannya ke arah mencapai 30% perwakilan pengarah wanita dan apakah langkah yang akan diambil jika sasaran ini tidak dicapai?</p>												
Hextar Global Berhad (AGM)	<p>1. Walaupun industri agrokimia sedang berusaha untuk mengurangkan kesan alam sekitar melalui inisiatif seperti pembangunan produk yang lebih mesra alam dan pelaksanaan amalan kelestarian, rantaian nilai keseluruhan pembuatan dan pengedaran agrokimia secara amnya masih dianggap tidak lestari.</p> <p>a) Sila berikan penilaian impak alam sekitar terkini yang berkaitan proses pembuatan dan amalan pengedaran agrokimia Syarikat.</p> <p>b) Bagaimanakah Syarikat menyesuaikan model perniagaannya sebagai tindak balas kepada peralihan ke arah amalan pertanian yang lebih hijau, sekaligus mengurangkan kesan produknya terhadap alam sekitar?</p> <p>c) Bagaimanakah Syarikat menilai potensi kesan perubahan kawal selia dan inisiatif dasar yang bertujuan mengurangkan penggunaan bahan kimia pertanian dan menggalakkan pertanian yang lestari?</p> <p>2. Jadual di bawah menunjukkan penggunaan air pada tahun kewangan 2023:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Sumber air</b></th> <th><b>Isipadu Pengeluaran (m<sup>3</sup>)</b></th> <th><b>Penggunaan (%)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Air Perbandaran</td> <td>30,146</td> <td>59.83%</td> </tr> <tr> <td>Air Dalam Tanah</td> <td>44,908</td> <td>40.16%</td> </tr> <tr> <td>Air Hujan (Dituai)</td> <td>4</td> <td>0.01%</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Halaman 55 daripada Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Sila jelaskan pengiraan yang dibentangkan dalam jadual. Adakah pengeluaran 30,146m<sup>3</sup> air perbandaran mewakili 59.83% daripada jumlah penggunaan, manakala 44,908m<sup>3</sup> air bawah tanah mewakili 40.16% sahaja?</p> <p>b) Apakah penilaian yang dijalankan oleh Syarikat berhubung potensi impak pengekstrakan air</p>	<b>Sumber air</b>	<b>Isipadu Pengeluaran (m<sup>3</sup>)</b>	<b>Penggunaan (%)</b>	Air Perbandaran	30,146	59.83%	Air Dalam Tanah	44,908	40.16%	Air Hujan (Dituai)	4	0.01%
<b>Sumber air</b>	<b>Isipadu Pengeluaran (m<sup>3</sup>)</b>	<b>Penggunaan (%)</b>											
Air Perbandaran	30,146	59.83%											
Air Dalam Tanah	44,908	40.16%											
Air Hujan (Dituai)	4	0.01%											

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Opensys (M) Berhad (AGM)	<p>bawah tanah, termasuk sebarang kebimbangan yang berkaitan dengan kehabisan sumber serta kesan negatif kepada masyarakat setempat?</p> <p>1. Pada tahun 2023, Kumpulan telah membeli 618 Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy Certificates, REC) yang mewakili 618 MWj tenaga elektrik yang dijana daripada sumber boleh diperbaharui. Ini akan mengimbangi anggaran 394.90 tan Pelepasan Karbon Dioksida daripada elektrik yang dibeli yang digunakan di pelbagai pejabat Kumpulan. Pada tahun 2024, Kumpulan akan memulakan inisiatif selanjutnya dalam ruang Tenaga Boleh Diperbaharui (Halaman 46, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk membeli 618 REC yang mewakili 618 MWj elektrik pada tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>b) Apakah inisiatif Kumpulan yang selanjutnya berhubung bidang tenaga boleh diperbaharui?</p> <p>2. Penyata Kelestarian Kumpulan menyatakan bahawa Kumpulan mentakrifkan hal-hal kelestarian yang material sebagai perkara yang mempunyai kesan ekonomi, alam sekitar dan sosial yang ketara ke atas perniagaan dan pihak berkepentingan Kumpulan, termasuk:</p> <p>Ekonomi – Kepuasan Pelanggan, Pembekal, Pematuhan Kawal Selia</p> <p>Alam Sekitar – Tenaga Boleh Diperbaharui, Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula</p> <p>Sosial – Kebajikan Pekerja, Kesaksamaan dan Kepelbagaian, Latihan dan Pembangunan, Penjagaan Komuniti.</p> <p>(Halaman 45, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Sila pertimbangkan untuk memasukkan matriks kematanan yang menunjukkan hal-hal kelestarian yang material dalam laporan tahunan syarikat pada masa hadapan.</p>
Mega First Corporation Berhad (AGM)	Pencemaran bunyi adalah kebimbangan yang penting dalam operasi kuari. Bahagian Sumber telah melaksanakan langkah pengurangan hingar seperti penggunaan teknologi pengurangan hingar termaju untuk meminimumkan kesan alam sekitar serta melindungi kesihatan pekerja dan komuniti yang lebih meluas. Kumpulan kini dalam fasa percubaan untuk

<b>Perkara penting:</b>																			
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>																		
	<p>memasang lapisan seramik tahan haus pada bahagian jenteranya bagi mengelakkan haus lelasan dan mengurangkan bunyi serta getaran semasa penggunaannya. Fasa percubaan dijangka selesai pada suku pertama 2024. (Halaman 42, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah keputusan percubaan itu? Apakah langkah yang telah diambil dan apakah hasilnya?</p> <p>b) Memandangkan operasi kuari melibatkan aktiviti yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar, apakah langkah lain yang telah diambil untuk menangani kebimbangan itu?</p>																		
Tenaga Nasional Berhad (AGM)	<p><b>Hal-hal Kelestarian</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th><b>Metrik</b></th> <th><b>2021</b></th> <th><b>2022</b></th> <th><b>2023</b></th> <th><b>Sasaran</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td><b>Kapasiti TBB*</b></td> <td>3,499 MW</td> <td>3,780 MW (pertumbuhan 9.8%)</td> <td>4,375 MW (pertumbuhan 16%)</td> <td>8.3GW menjelang 2025**</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td><b>Palam pengecasan kenderaan elektrik</b></td> <td>-</td> <td>3 DC 3 AC</td> <td>14 DC 18 AC</td> <td>134 DC menjelang 2024 10 – 20% menjelang 2030</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Jumlah termasuk kapasiti solar pada MWp.  ** Sasaran termasuk aset dalam operasi/ pembinaan/ pembangunan.  (Halaman 71, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>a) Memandangkan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) pada tahun 2023 masih agak rendah, bagaimanakah TNB mampu mencapai sasarannya sebanyak 8.3GW menjelang 2025?</p> <p>b) Selain itu, TNB sedang menyiapkan infrastruktur pengecasan dengan sasaran 134 DC menjelang 2024 dan 10% - 20% menjelang 2030. Apakah yang diperlukan untuk TNB mencapai sasaran ini? Berapakah anggaran perbelanjaan modal yang diperlukan?</p>		<b>Metrik</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>Sasaran</b>	1.	<b>Kapasiti TBB*</b>	3,499 MW	3,780 MW (pertumbuhan 9.8%)	4,375 MW (pertumbuhan 16%)	8.3GW menjelang 2025**	2.	<b>Palam pengecasan kenderaan elektrik</b>	-	3 DC 3 AC	14 DC 18 AC	134 DC menjelang 2024 10 – 20% menjelang 2030
	<b>Metrik</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>Sasaran</b>														
1.	<b>Kapasiti TBB*</b>	3,499 MW	3,780 MW (pertumbuhan 9.8%)	4,375 MW (pertumbuhan 16%)	8.3GW menjelang 2025**														
2.	<b>Palam pengecasan kenderaan elektrik</b>	-	3 DC 3 AC	14 DC 18 AC	134 DC menjelang 2024 10 – 20% menjelang 2030														
KKB Engineering Berhad (AGM)	Sehingga 31 Disember 2023, jumlah buku pesanan belum bayar Kumpulan kekal kukuh, bersedia untuk memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (Halaman 7, Laporan Tahunan 2023).																		

<b>Perkara penting:</b> <b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Apakah nilai terkini bagi jumlah buku pesanan belum bayar Kumpulan dan berapa lamakah tempoh buku pesanan itu dijangka bertahan?</li> <li>2. Apakah nilai buku pesanan untuk kontrak yang masih berjalan untuk Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan Platform Kepala Telaga Standard bagi MLNG Fas (F27, F22, Selasih dan F23 Brownfeld) bersama-sama dengan Pembuatan Modul dan pembekalan Struktur Keluli untuk projek Loji Gas Pesisir Rosmari - Marjoram di Bintulu, Sarawak, Malaysia?</li> <li>3. Apakah keterlihatan bagi pengisian semula buku pesanan memandangkan ketidaktentuan dalam prospek ekonomi global, dengan peningkatan inflasi global serta cabaran dalam industri pembuatan keluli? Apakah sasaran dalaman Kumpulan untuk penambahan buku pesanan pada tahun kewangan 2024?</li> </ol>
Hextar Industries Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah imbuhan Pengarah Urusan Kumpulan, Benny Ang Sui Aik telah meningkat daripada RM740,720 pada tahun kewangan 2022 kepada RM1,143,923 pada tahun kewangan 2023.  Apakah pencapaian atau metrik prestasi yang mewajarkan peningkatan dalam imbuhan Pengarah Urusan Kumpulan daripada RM740,720 pada tahun kewangan 2022 kepada RM1,143,923 pada tahun kewangan 2023?</li> <li>2. Terdapat beberapa risiko kelestarian yang dihadapi oleh segmen baja Kumpulan. Contohnya, pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas, GHG) daripada proses pembuatan (seperti pelepasan nitrogen oksida daripada baja yang berasaskan nitrogen), eutrofikasi dan penyahgredan tanah. Selain itu, perubahan dalam corak pemendakan boleh menjelaskan permintaan untuk baja dan keupayaan untuk menggunakan dengan berkesan. Selain itu, pembuatan baja bergantung pada sumber yang tidak boleh diperbaharui seperti gas fosfat dan gas asli. <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bagaimanakah Syarikat mengurangkan kesan kepada alam sekitar sepanjang proses pembuatan?</li> </ul> </li> </ol>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk menangani risiko penyahgredan tanah yang berkaitan dengan penggunaan bajanya?</p> <p>SWS Capital Berhad (AGM)</p> <p><u>Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG)</u>  <u>(Lembaga terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita)</u></p> <p>Syarikat tidak menerima pakai Amalan 5.9 MCCG. Lembaga Pengarah kini mempunyai dua pengarah wanita dalam kalangan lapan ahlinya, yang membentuk 25% daripada Lembaga Pengarah. Komposisi ini hampir pada ambang 30% (Halaman 32, Laporan Tadbir Urus Korporat).</p> <p>Walau bagaimanapun, Laporan Tadbir Urus Korporat Syarikat menyatakan, antara lain, "Lembaga Pengarah menyokong inisiatif untuk memasukkan perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah bagi mencapai Lembaga yang mempunyai lebih kepelbagaian jantina. Lembaga Pengarah meneruskan pencarian bakal Pengarah wanita dan akan melantik Pengarah wanita tambahan sebagaimana dan apabila calon yang sesuai dikenal pasti". (Halaman 32, Laporan Tadbir Urus Korporat)</p> <p>Kami juga memuji Lembaga Pengarah atas sokongan mereka dan usaha untuk terus mencari bakal pengarah wanita. Namun begitu, bilakah Syarikat menjangkakan dapat menerima pakai Amalan 5.9?</p>
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (AGM)	<p>Merujuk pada Amalan 6.1 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), Lembaga Pengarah hendaklah melibatkan khidmat pakar bebas setiap tiga tahun bagi memudahkan penilaian lembaga yang objektif dan jujur.</p> <p>Untuk tahun kewangan 2023, Lembaga Pengarah, seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (<i>Nomination and Remuneration Committee, NRC</i>), telah melantik Institut Pengarah Korporat Malaysia (<i>Institute of Corporate Directors Malaysia, ICDM</i>) sebagai fasilitator untuk menjalankan Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Pengarah (<i>Board and Directors' Effectiveness Evaluation, BDEE</i>) (Halaman 133, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>1. Pengarah bukan eksekutif bebas (<i>independent non-executive director, INED</i>) STMKB dan pengurus NRC (Halaman 131, Laporan Tahunan Bersepadu 2023),</p>

<b>Perkara penting: Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>Encik Mohd Azman Sulaiman, juga merupakan Felo dan Ahli Fakulti ICDM.</p> <p>a) Apakah proses dan tatacara yang dijalankan sebelum NRC memutuskan pelantikan ICDM sebagai perunding untuk BDEE? Berapakah bilangan tawaran/ cadangan yang diterima oleh STMKB di bawah Permintaan Cadangan untuk BDEE? Bagaimanakah ICDM boleh menonjol berbanding pembida lain berdasarkan kriteria yang ditetapkan?</p> <p>b) Memandangkan terdapat pertalian antara Mohd Azman dengan ICDM, sila ulas tentang objektiviti dan kesaksamaan ICDM dalam menjalankan BDEE ke atas Mohd Azman.</p> <p>2. Apakah penemuan dan pemerhatian utama dalam penilaian BDEE oleh ICDM?</p> <p>3. Bagaimanakah skor Lembaga Pengarah berhubung dengan 10 parameter yang dikaji serta prestasi mereka berbanding dengan pembanding lain?</p> <p>4. Berikutan penilaian yang dibuat, apakah cadangan ICDM untuk tindakan/ penambahbaikan? Aspek manakah yang memerlukan perhatian dan tumpuan lanjut daripada Lembaga Pengarah? Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga untuk menangani kebimbangan ini?</p> <p>5. Kami maklum bahawa STMKB telah menggabungkan hal-hal yang berkaitan kelestarian dalam penilaian pengurusan kanan (Halaman 23, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>a) Apakah Bidang Keberhasilan Utama (<i>Key Result Area, KRA</i>) dan petunjuk prestasi utama (<i>Key Performance Indicator, KPI</i>) berkaitan kelestarian yang dimasukkan dalam penilaian pengurusan kanan pada tahun kewangan 2023? Bagaimanakah prestasi pengurusan kanan berhubung dengan KPI ini?</p> <p>b) Apakah wajaran yang digunakan untuk KRA dan KPI yang berkaitan kelestarian (mengikut peratusan) berbanding metrik operasi dan kewangan dalam penilaian prestasi pengurusan kanan secara keseluruhan?</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
IFCA MSC Berhad (AGM)	<p>Amalan 5.9 MCCG menetapkan bahawa lembaga pengarah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita disebabkan oleh banyak kajian yang telah membuktikan kes perniagaan untuk kepelbagaian lembaga, terutamanya penyertaan wanita dalam lembaga pengarah.</p> <p>Pada masa ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada enam Pengarah, dengan hanya seorang Pengarah wanita, yang menyumbang 16.7% daripada jumlah keseluruhan. Angka ini berada di bawah ambang 30% yang disyorkan dalam Amalan 5.9 MCCG (Halaman 29, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>Kumpulan tersilap menyatakan bahawa mereka telah menerima pakai Amalan itu. Bilakah Kumpulan menyasarkan untuk menambah bilangan pengarah wanita bagi mencapai 30%?</p>
AEON Co (M) Bhd (AGM)	<p>Cawangan AEON MaxValu menawarkan pelbagai jenis barang runcit dan produk makanan yang memenuhi berbagai-bagi keperluan pelanggan. Ia juga menawarkan pelbagai barang am seperti pakaian, barang rumah dan peralatan elektrik pada harga yang berpatutan. Sejak cawangan pertama ditubuhkan pada 2005, AEON kini mempunyai tujuh cawangan AEON MaxValu yang menawarkan pelanggan pengalaman membeli-belah yang menyenangkan dan diperibadikan (Halaman 10, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>a) Selain harga yang dikatakan berpatutan, apakah perbezaan lain yang membezakan kedai AEON MaxValu daripada Kedai AEON, memandangkan kedua-duanya menawarkan produk yang serupa? Adakah terdapat alasan yang meyakinkan untuk menuhuhan kedai pendua ini?</p> <p>b) Bagaimanakah prestasi kewangan cawangan AEON MaxValu, memandangkan hanya terdapat tujuh cawangan sejak penubuhan yang pertama pada tahun 2005? Adakah terdapat apa-apa rancangan untuk menambah atau mengurangkan bilangan cawangan?</p>
Amtel Holdings Berhad (AGM)	<p>1. "Lembaga Pengarah kami ("Lembaga") memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif kelestarian. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan</p>

<b>Perkara penting: Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>pasukan pengurusan kami bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengurus peluang dan risiko ESG, serta mengukur prestasi kemampuan Kumpulan kami."</p> <p>Sila huraikan risiko utama berkaitan iklim yang dapat dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan setakat ini? Apakah langkah pengekangan yang perlu dilaksanakan?</p> <p>2. "Sistem PV Solar sudah beroperasi sepenuhnya sejak pertengahan September 2022. Setakat tahun kewangan berakhir 2023, sistem PV Solar telah menjana sejumlah 106,918.54 kWj (2022: 16,391.71 kWj), yang diterjemahkan kepada jumlah penjimatan bersamaan hampir RM50,000 (2022: RM8,000)."</p> <p>a) Berapakah jumlah pelaburan Syarikat dalam sistem PV Solar ini?</p> <p>b) Berapakah peratusan penggunaan elektrik tahunan Kumpulan yang boleh dibekalkan oleh sistem PV Solar yang beroperasi sepenuhnya?</p>
Master-Pack Group Berhad (AGM)	<p>Jumlah imbuhan Pengerusi Eksekutif, Dato' Seri Syed Mohamad Syed Murtaza meningkat 45.3% tahun ke tahun kepada RM5.6 juta pada tahun kewangan 2023 daripada RM3.85 juta tahun sebelumnya (Halaman 48, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>Pada tahun kewangan 2023, pendapatan Kumpulan mencecah RM166.5 juta, menandakan peningkatan ketara sebanyak RM5.5 juta atau 3.4% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, keuntungan bersih meningkat 12.7% kepada RM24.61 juta daripada RM21.8 juta sebelumnya.</p> <p>"Bonus" yang diterima oleh Dato' Seri Syed Mohamad menyaksikan peningkatan ketara sebanyak 175% kepada RM2.34 juta berbanding RM852,000 pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Mengapa terdapat peningkatan ketara dalam bonus yang diterima oleh beliau? Apakah pertimbangan yang diambil kira oleh Jawatankuasa Imbuhan sewaktu membincangkan imbuhan Dato' Seri Syed Mohamad?</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Muar Ban Lee Group Berhad (AGM)	<p>Suatu perkembangan penting untuk MBL pada tahun kewangan 2023 ialah pelaburannya dalam SWS Capital Berhad, sebuah syarikat tersenarai di Pasaran Utama yang terlibat dalam pembuatan dan penjualan perabot serta barang plastik.</p> <p>MBL mula melabur dalam SWS Capital pada Ogos 2023 dan muncul sebagai pemegang saham utama SWS dua bulan kemudian.</p> <p>a) Berapakah jumlah yang dilaburkan oleh MBL untuk 27.44% kepentingan dalam SWS Capital berbanding jumlah bawaan semasa?</p> <p>b) Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, SWS Capital bertukar menjadi syarikat rugi dengan kerugian bersih sebanyak RM6.4 juta berbanding untung bersih berjumlah RM2.9 juta pada tahun kewangan 2022, bersandarkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM123.6 juta (tahun kewangan 2022: RM158.4 juta).</p> <p>Sementara itu, MBL merekodkan kerugian berjumlah RM2.6 juta daripada kesan pencairan ke atas bahagian SWS Capital dan bahagian kerugian daripada syarikat bersekutu SWS berjumlah RM4.5 juta (Halaman 23, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Memandangkan SWS Capital menyatakan bahawa mereka “meramalkan kesukaran yang berterusan dalam keadaan perniagaan untuk tahun kewangan berakhir 2024” (halaman 13, Laporan Tahunan SWS Capital 2023), apakah potensi dan pemangkin yang ditawarkan oleh SWS Capital kepada MBL?</p> <p>Bagaimanakah pelaburan dalam syarikat yang merugikan ini mampu mencipta nilai yang mampan untuk MBL dan para pemegang sahamnya?</p>
Petra Energy Berhad (AGM)	<p>Sehingga 31 Disember 2023, Kumpulan mempunyai penumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk baki tertunggak yang terhutang daripada satu pelanggan (2022: satu) yang merupakan pemain utama dalam industri minyak dan gas, mewakili kira-kira 84% (2022: 95%) daripada jumlah penghutang perdagangan bersih dan aset kontrak Kumpulan. (Halaman 167, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Risiko penumpuan ini adalah ketara kerana Kumpulan memperoleh lebih daripada 80% perniagaannya</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>daripada satu pelanggan. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk tidak mendapatkan lebih ramai pelanggan?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mengatasi risiko penumpuan pelanggan ini dan apakah kadar kejayaan Kumpulan untuk mendapatkan pelanggan?</p>
Cahya Mata Sarawak Berhad (AGM)	<p>Pada tahun yang ditinjau, Bahagian Fosfat mencatatkan pendapatan sifar sebagai ganti ketiadaan bekalan kuasa akibat pertikaian undang-undang dengan pembekal kuasa. Bahagian ini melaporkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM156.70 juta untuk tahun kewangan 2023 berbanding kerugian sebanyak RM61.31 juta yang direkodkan untuk tahun kewangan 2022 (Halaman 17, Laporan Tahunan 2023). Kerugian yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023 ini boleh dikaitkan dengan pengiktirafan kos yang berkaitan pentaulahan dan kewangan yang ditanggung semasa fasa pembinaan pada tahun kewangan 2022 (Halaman 23, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Kumpulan percaya bahawa Cahya Mata Phosphates Industries mempunyai alasan yang boleh dipertikaikan mengenai tuntutannya untuk didengar semasa timbang tara yang akan datang dan untuk memulihkan semula bekalan elektrik untuk kompleks (kilang) fosfat bersepadunya bagi mencapai operasi komersial penuh (Halaman 237, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah perkembangan terkini berkenaan pertikaian undang-undang dengan pembekal kuasa, Syarikat SESCO Berhad (SESCO)?</p> <p>b) Apakah pandangan Kumpulan terhadap kemungkinan keputusan saman undang-undang ini? Bilakah Lembaga Pengarah menjangkakan pertikaian undang-undang ini akan berakhir dan jangkaan jangka masa untuk memulakan operasi komersial penuh kilang itu?</p> <p>c) Adakah Kumpulan telah membuat sebarang peruntukan untuk tuntutan balas oleh SESCO yang berjumlah RM342,247,000?</p> <p>d) Apakah amaun yang ditanggung untuk pentaulahan dan kos berkaitan kewangan pada tahun kewangan</p>

<b>Perkara penting:</b> <b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>2023? Adakah kos ini dijangka berada pada tahap yang sama atau lebih tinggi pada tahun kewangan 2024?</p>
Greatech Technology Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mengekalkan buku pesanannya pada RM1.04 bilion seperti yang ditunjukkan dalam keputusan kewangan suku keempat yang dikeluarkan pada Februari 2024. Jumlah ini membawa kepada peningkatan keseluruhan sebanyak 36.8% berbanding tahun sebelumnya. (Halaman 29, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah terkini buku pesanan Kumpulan yang masih tertunggak?</p> <p>b) Berapakah daripada jumlah buku pesanan ini dijangka akan diiktiraf pada tahun kewangan 2024?</p> <p>Berapakah jumlah pecahan buku pesanan ini, mengikut industri?</p>
Malaysian Resources Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan inventori yang diturunkan nilai sebanyak RM34.1 juta pada tahun kewangan 2023. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2022. (Halaman 27, Penyata Kewangan)</p> <p>a) Sila jelaskan sebab-sebab penurunan nilai inventori yang berjumlah RM34.1 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>b) Apakah jenis inventori yang diturunkan nilai, berserta dengan jumlah masing-masing?</p> <p>c) Adakah terdapat kebarangkalian inventori yang diturunkan nilai ini dimasuk kira semula pada tahun kewangan 2024? Jika tidak, sila jelaskan.</p>
POS Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Segmen Pos menyusut 12.3% kepada RM1.1 bilion terutamanya disebabkan oleh persaingan yang sengit dan penetapan harga predatori daripada syarikat kurier asing serta pemain e-dagang utama yang memajukan lagi keupayaan penghantaran penyumberan dalaman mereka. Kerugian sebelum cukai untuk segmen Pos turut meningkat 18% kepada RM153.6 juta, dipengaruhi oleh pendapatan yang lebih rendah serta kos tetap, walaupun terdapat usaha untuk mengurus kos yang membawa kepada pengurangan perbelanjaan pengangkutan dan penghantaran (Halaman 24, Laporan Tahunan 2023).</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>a) Apakah perancangan segmen ini untuk menangani persaingan yang sengit serta cabaran lain yang disebutkan di atas pada tahun 2024?</p> <p>b) Pengurusan kos untuk segmen itu dilihat tidak mencukupi untuk membendung kemerosotan pendapatan dan kos tetapnya, yang membawa kepada peningkatan kerugian sebelum cukai. Apakah langkah lain yang dilaksanakan oleh segmen Pos untuk menangani kerugian sebelum cukai yang semakin meningkat?</p>
Formosa Prosonic Industries Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan jualan berjumlah RM673.9 juta untuk tahun kewangan 2023, dengan penurunan sebanyak 31.5% tahun ke tahun, terutamanya disebabkan oleh campuran jualan dan volum jualan yang lebih rendah (Halaman 6, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Sila berikan lebih banyak pencerahan kepada pemegang saham yang berkaitan penurunan jualan pada tahun kewangan 2023, misalnya produk yang mengalami volum jualan yang lebih rendah, dan sebagainya.</p> <p>b) Bagaimanakah Lembaga Pengarah berhasrat untuk menangani penurunan jualan yang ketara? Berdasarkan ekonomi semasa dan persekitaran pasaran, apakah prospek prestasi jualan pada tahun kewangan 2024?</p>
Vitrox Corporation Berhad (AGM)	<p>Pada 26 Oktober 2023, Jawatankuasa mengambil maklum pengisytiharan oleh Cik Chuah Poay Ngee bahawa pada masa ini beliau menyandang jawatan pengarah dan pemegang saham utama South Island Building Sdn. Bhd. ("SIB"), sebuah syarikat pembinaan bangunan, kejuruteraan awam dan mekanikal serta projek siap guna (<i>turnkey</i>). SIB telah dijemput oleh Vitrox Technologies Sdn. Bhd. untuk menyertai tender bagi kerja-kerja cerucuk bangunan utama Kampus 3.0 ("Tender"). Sehubungan itu, beliau telah menahan diri dan terus mengelak daripada semua perbincangan dan pengundian yang berkenaan dengan Tender. (Halaman 78, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Memandangkan terdapat unsur konflik kepentingan, apakah rasionalnya tindakan mempelawa SIB untuk menyertai Tender itu?</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>b) Berapakah bilangan syarikat yang menyertai Tender tersebut? Apakah hasilnya dan berapakah nilai Tender tersebut? Jika SIB memenangi Tender itu, bagaimanakah SIB menonjolkan kelebihannya berbanding pembida lain?</p> <p>Uchi Technologies Berhad (AGM)</p> <p>Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) menetapkan bahawa 30% daripada Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada wanita. Sehingga tahun kewangan 2023, hanya terdapat seorang pengarah wanita daripada enam pengarah dalam Lembaga Pengarah.</p> <p>Apakah tindakan yang diambil untuk mencapai 30% perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah seperti yang digariskan oleh MCCG? Apakah rancangan dan strategi khusus yang disediakan oleh Lembaga Pengarah untuk mencapai matlamat ini? Bilakah Syarikat menjangkakan untuk mematuhi Amalan 5.9?</p>

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif ([ismet@mswg.org.my](mailto:ismet@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika iaanya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*